

# Ujian Saringan PERMATApintar™ UKM1 & UKM2



## Pencarian Bakat Pelajar Pintas Cerdas

### PELAKSANAAN

Kedua-dua ujian ini hanya dijalankan secara dalam talian melalui laman sesawang agar proses pencarian pelajar pintar cerdas dapat dilakukan secara menyeluruh di Malaysia dalam masa yang terhad dan tidak melibatkan kos yang tinggi jika dibandingkan dengan ujian secara bertulis. Ia juga dilaksanakan bertujuan untuk menerapkan budaya ICT di kalangan pelajar sekolah. Dari segi kemahiran menggunakan komputer, pelajar hanya perlu mahir menggunakan tetikus dan papan kekunci. Dengan itu, semua pihak termasuk pihak sekolah, ibu bapa dan ahli keluarga yang lain serta masyarakat Malaysia perlulah menggalakkan pelajar-pelajar mengambil ujian dalam talian ini. Pihak-pihak yang prihatin boleh membawa pelajar ke pusat-pusat komuniti di desa atau kafe siber dalam daerah masing-masing.

Bagi pelajar yang telah mengambil ujian ini pada tahun 2009-2011, mereka perlu mengambil ujian ini untuk mengikuti program-program pada tahun berikutnya. Pelajar akan dipilih berdasarkan skor kelayakan mengikut peringkat umur dan tiada sistem kuota dari segi jantina, bangsa, daerah, negeri dan jenis sekolah digunakan dalam pemilihan pelajar.



### PENGENALAN

Dalam usaha mencari dan mengenal pasti keupayaan kognitif pelajar pintar cerdas untuk menyertai program-program yang ditawarkan oleh Pusat PERMATApintar™ Negara, ujian-ujian psikologikal intelek atau *intelligence quotient* (IQ) digunakan. Ujian-ujian yang digunakan ialah ujian-ujian PERMATApintar™ UKM1 dan UKM2. Ujian PERMATApintar™ UKM1 merupakan ujian saringan peringkat pertama. Manakala, ujian PERMATApintar™ UKM2 merupakan ujian saringan peringkat kedua dan akan diselia pengambilannya.

### TUJUAN

Kedua-dua ujian ini dilaksanakan bagi mencari pelajar pintar cerdas untuk menyertai program-program seperti berikut:

1. Perkhemahan Cuti Sekolah PERMATApintar™ Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia (untuk pelajar berusia 9 -15 tahun);
2. PERMATA Insan yang dikendalikan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (untuk pelajar berusia 8 tahun yang beragama Islam);
3. Program Pendidikan PERMATApintar™ iaitu akademi khas pintar cerdas (untuk pelajar lepasan tingkatan 3);
4. Program Laluan Pintas (PLP) bagi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) (untuk pelajar berumur 7 tahun sahaja).

Ujian-ujian ini dibuka pada tarikh-tarikh tertentu. Ujian PERMATApintar™ UKM1 boleh diambil mulai 1 Februari hingga 30 April pada setiap tahun di laman sesawang <http://ukm1.permatapintar.edu.my>. Semua pelajar Malaysia berusia 8 - 15 tahun layak untuk menduduki ujian percuma ini. Tiada sekatan atau birokrasi untuk pelajar mengambil ujian sama ada di rumah, di sekolah atau di mana sahaja asalkan boleh mencapai laman sesawang ini. Bagi pelajar berusia 7 tahun dari Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), Ujian UKM1 dilaksanakan secara terkawal. Ujian ini merupakan salah satu mekanisme untuk pemilihan pelajar ke Program Laluan Pintas (PLP).

Pelajar boleh menyemak sama ada layak atau tidak untuk menduduki ujian saringan seterusnya iaitu ujian PERMATApintar™ UKM2 yang akan dimaklumkan melalui laman sesawang mulai 1 Jun. Pelajar juga akan dimaklumkan tentang pusat-pusat ujian PERMATApintar™ UKM2 yang dilakukan dengan pengawasan. Ujian PERMATApintar™ UKM2 akan bermula pada 1 Julai hingga 31 Ogos pada setiap tahun. Pelajar yang berjaya melepasi tahap skor kelayakan ujian PERMATApintar™ UKM2 akan diumumkan melalui laman sesawang PERMATApintar™ mulai 15 September untuk mengikuti Program Perkhemahan Cuti Sekolah PERMATApintar™ Negara.



### NILAI KEJUJURAN DAN TANGGUNGJAWAB

Pelajar perlu jujur untuk mengisi maklumat peribadi, keluarga dan sekolah serta menjawab soalan ujian ini. Oleh sebab itu, tempoh masa ujian PERMATApintar™ UKM1 tidak terhad dan pelajar boleh menyambung semula ujian jika sekiranya berhenti. Namun, ujian PERMATApintar™ UKM2 mempunyai tempoh masa untuk menjawab soalan. Pelajar tidak dibenarkan mendapatkan bantuan daripada orang lain atau membuat rujukan semasa mengambil kedua-dua ujian saringan ini. Ibu bapa atau orang dewasa perlu menanamkan nilai-nilai murni seperti KEJUJURAN dan TANGGUNGJAWAB dalam diri pelajar-pelajar ini.

Kedua-dua ujian ini seharusnya diambil oleh pelajar tanpa persediaan dari segi latihan tentang ujian tersebut sebagaimana dengan peperiksaan di sekolah. Ia adalah disebabkan pihak PERMATApintar™ dan PERMATA Insan ingin mengenal pasti pelajar pintar cerdas semulajadi dan dikembangkan bakat mereka melalui program yang disediakan. Dengan itu, ibu bapa, guru-guru dan ahli keluarga yang lain tidak perlu membantu pelajar untuk menjawab soalan dalam ujian ini semata-mata untuk terpilih dalam program-program yang disediakan. Kursus-kursus dalam Program Perkhemahan Cuti Sekolah PERMATApintar™ Negara - Universiti Kebangsaan Malaysia, Johns Hopkins University - Center for Talented Youth (JHU-CTY) adalah kursus-kursus peringkat tinggi yang mencabar keupayaan kognitif. Pelajar akan mengalami tekanan emosi dan mental semasa mengikut program kerana tahap kemampuan mereka bukan yang sebenar tetapi dilakukan dengan bantuan orang dewasa. Ia bukan sahaja menyulitkan pelajar, malah pihak pengurusan dan tenaga pengajar kerana terpaksa berhadapan dengan pelajar yang tidak berkemampuan untuk mengikuti modul-modul yang mencabar minda mereka.



Pusat  
PERMATApintar™  
Negara  
Universiti Kebangsaan Malaysia



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Ketua Unit Pencarian & Pengurusan Bakat,  
Pusat PERMATApintar™ Negara,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM, Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8921 7503/ 7509/ 7512  
Tel. Bimbit: 019-3296814  
Fax: 03-8921 7525

Laman Sesawang: [www.permatapintar.edu.my](http://www.permatapintar.edu.my)  
E-mel: [permatapintar@ukm.my](mailto:permatapintar@ukm.my)